



**BUKU PERATURAN PELAJAR
MRSM BALIK PULAU
2022**

BUKU PERATURAN PELAJAR MRSM BALIK PULAU

PERATURAN PAKAIAN

1. PELAJAR PUTERA

1.1. Baju Kemeja/Baju T

- Baju kemeja berkolar potongan biasa sama ada berlelgan panjang atau pendek dibenarkan. Lain-lain jenis baju seperti baju T berkolar, baju T sukan atau seumpamanya dibenarkan untuk aktiviti riadah sahaja. Baju T tidak berkolar TIDAK dibenarkan.
- Baju hendaklah disisipkan (Tuck in) ke dalam seluar.
- Baju kemeja berlelgan panjang hendaklah dibutangkan di pergelangan tangan dan TIDAK dibenarkan dilipat.
- Pemakaian semua jenis jaket TIDAK dibenarkan ke kelas akademik.
- Baju panas (sweater) dibenarkan dalam keadaan tertentu saja.

1.2. Seluar

- Kain seluar *slack* yang dibenarkan ialah daripada jenis yang sesuai. Selain itu kain jenis Denim, PVC, *Corduroy* atau kulit TIDAK dibenarkan.
- Pemakaian semua jenis *jeans* dan *cotton slack* TIDAK dibenarkan.
- Fesyen seluar *slack* hendaklah tidak terlalu longgar, *baggy*, *slim fit*, terlalu ketat dan berkaki singkat tidak dibenarkan. Paras kaki seluar hendaklah melepasi bawah buku lali dan ukur lilit seluar di antara 35 cm – 45 cm.

1.3. Tali Pinggang

- Tali pinggang hendaklah dari jenis KULIT ATAU PVC.
- Lebar tali pinggang hendaklah di antara 2.5 cm – 3.0 cm dan berwarna hitam atau coklat tua. Tali pinggang yang berwarna-warni dan berbelang tidak dibenarkan.
- Kepala tali pinggang hendaklah tidak terlalu besar dan tidak mempunyai lambang yang tidak sesuai, seperti lambang binatang atau tulisan yang tidak sesuai dan tidak bermoral.

1.4. Kasut dan Stoking

- Kasut hendaklah dari jenis kulit atau PVC berwarna hitam. Kasut sukan, selipar, sandal, *boot*, *semi boot*, atau lain-lain kasut yang berwarna-warni dan bercorak TIDAK dibenarkan ke kawasan akademik dan pentadbiran.
- Pemakaian kasut bersama stoking adalah diwajibkan. Stoking hendaklah menutupi buku lali.
- Warna stoking hendaklah berwarna hitam dan tidak berbelang-belang atau berwarna-warni.

1.5. Tali Leher

- Tali leher rasmi maktab sahaja yang dibenarkan.
- Tali leher hendaklah dipakai semasa upacara rasmi seperti kelas akademik, perhimpunan, majlis makan rasmi dan lainlain.

1.6. Tutup Kepala

- Hanya songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan.
- Kopiah dan serban tidak dibenarkan kecuali untuk tujuan menunaikan solat sahaja.

2. PELAJAR PUTERI

2.1 Baju dan Kain

- Pelajar hanya dibenarkan memakai baju kurung untuk ke kawasan akademik dan pentadbiran.
- Pelajar bukan Islam digalakkan memakai baju kurung dan dibenarkan memakai blaus berlengan serta skirt labuh melebihi paras lutut.
- Baju dan kain hendaklah tidak ketat dan jarang.

2.2 Tudung

- Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan.
- Tudung dan anak tudung berwarna putih sahaja dibenarkan pada waktu akademik.
- Warna lain dibenarkan di luar waktu akademik.
- Tudung hendaklah tidak jarang dan tidak bercorak serta menutupi bahagian dada.

2.3 Kasut

- Kasut hendaklah jenis yang bersarung dan bukan dari jenis selipar atau sandal.
- Kasut warna hitam dari jenis kanvas/getah sahaja dibenarkan dipakai pada waktu akademik.
- Kasut berfesyen dan berwarna-warni tidak dibenarkan.
- Ketinggian tumit tidak melebihi 2.5 cm.

3. PAKAIAN LARANGAN

3.1. Pada bila-bila masa di dalam kawasan maktab, pelajar dilarang memakai/memiliki/menyimpan pakaian seperti berikut:

- Semua jenis pakaian yang ditafsirkan sebagai menjolok mata atau pakaian yang mendedahkan aurat mengikut tafsiran Islam atau pakaian ketat yang memperlihatkan raut anggota atau tubuh badan pemakainya, atau pakaian yang ditafsirkan sebagai seksi/berfesyen keterlaluan atau bertentangan nilai-nilai budaya dan moral masyarakat.
- Baju atau pakaian yang ada gambar orang atau kumpulan seperti penyanyi, pemimpin, ahli sukan dan sebagainya atau gambar-gambar lucah atau gambar-gambar yang bertentangan dengan akidah Islam atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya bangsa dan Negara.
- Baju atau pakaian yang bertulis dengan tulisan atau lakaran lucah, ganas atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya bangsa dan negara.
- Semua jenis *jeans* dan *cotton slacks*.
- Tali pinggang berkepala besar, *rugged*, berwarna-warni dengan tulisan atau lakaran atau reka bentuk binatang, lucah, ganas dan sebagainya.
- Mini telekung (tudung bulat labuh) untuk pelajar perempuan.
- Tidak memakai baju, memakai baju menampakkan pusat, berkemban, memakai tuala mandi sahaja dan berkaki ayam.
- Memakai sebarang jenis pakaian yang dianggap tidak sesuai/tidak wajar dipakai oleh pelajar sekolah.
- Memakai baju T tidak berkolar.

- Memakai baju yang menyerupai tentera, polis, atau agensi/agensi keselamatan lain (kecuali semasa sesi kokurikulum).
- Memakai pakaian yang selekeh, kotor, koyak, berbau busuk atau bertampal.
- Berpakaian separuh bogel iaitu tidak memakai baju, berkemban atau memakai tuala mandi sahaja.
- Berkaki ayam dan tidak memakai alas kaki/kasut kecuali dalam bilik mandi/asrama atau tempat-tempat yang dilarang memakai kasut.

RUPA/PENAMPILAN DIRI

4. PELAJAR LELAKI

4.1 Rambut

- Rambut mestilah sentiasa pendek, tidak tebal dan tidak mencecah kolar baju.
- Pelajar digalakkan memotong rambut no 2.
- Rambut mestilah bersih dan disikat.
- Membotakkan kepala tidak dibenarkan.
- Mewarnakan rambut tidak dibenarkan.
- Stail rambut yang keterlaluan seperti 'punk' trojan', 'skin head', 'bross' dan lain-lain tidak dibenarkan.
- Menyimpan jambul melebihi aras kening dan ekor rambut tidak dibenarkan.
- Menggunakan gel, pengeras rambut atau minyak rambut yang berbau tengik tidak dibenarkan.

4.2 Misai, Janggut & Jambang

- Menyimpan misai dan janggut tidak dibenarkan.
- Jambang atau ekor pipit yang dibenarkan adalah 2 cm sahaja.

4.3 Cermin Mata/Kanta Lepak

- Tidak dibenarkan memakai cermin mata/kanta lekap kecuali atas nasihat doktor.
- Cermin mata hendaklah tidak berbingkai besar atau terlalu kecil dan tidak berfesyen.

- Cermin mata berwarna/kanta lekap berwarna hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran doktor sahaja.

4.4 Kuku

- Menyimpan kuku panjang tidak dibenarkan.
- Mewarnakan kuku secara moden atau tradisional tidak dibenarkan.
- Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.

4.5 Pemakaian Aksesori/Barang Kemas

- Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas termasuk yang mempunyai lambang keagamaan tidak dibenarkan.
- Bertindik, bertatu, dan berinai tidak dibenarkan.

5 PELAJAR PEREMPUAN

5.1 Rambut

- Rambut hendaklah pendek, jika panjang mestilah diikat/didandan dengan riben hitam atau biru gelap.
- Rambut tidak boleh menutupi bahagian muka.
- Rambut yang berfesyen dan berwarna tidak dibenarkan.
- Rambut mestilah kemas dan bersih.
- Pemakaian tudung adalah WAJIB bagi pelajar muslimah. ○ Muka
- Memakai alat solek seperti gincu, celak dan lain-lain tidak dibenarkan.
- Mencukur bulu kening atau mencabutnya tidak dibenarkan.

5.2 Kuku

- Menyimpan kuku panjang tidak dibenarkan.
- Mewarnakan kuku secara moden atau tradisional tidak dibenarkan.
- Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.

5.3 Cermin Mata/Kanta Lepak

- Tidak dibenarkan memakai cermin mata/kanta lekap kecuali atas nasihat doktor.
- Cermin mata hendaklah tidak berbingkai besar atau terlalu kecil dan tidak berfesyen.

- Cermin mata berwarna/kanta lekap berwarna hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran doktor sahaja.
- 5.4 Pemakaian Aksesori/Barang Kemas
- Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas termasuk yang mempunyai lambang keagamaan tidak dibenarkan.
 - Bertindik, bertatu, dan berinai tidak dibenarkan.

KELUAR KE BANDAR

6.1 KELUAR KE BANDAR PADA HARI-HARI PERSEKOLAHAN

- Kebenaran bertulis daripada Pengetua atau Timbalan Pengetua semasa waktu pejabat.
- Kebenaran bertulis daripada Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar atau Ketua Guru Asrama atau guru asrama bertugas di luar waktu pejabat.
- Dalam kedua-dua perkara di atas Pelajar hendaklah berurusan dengan Ketua Guru Asrama/guru asrama bertugas untuk tujuan mendapatkan tanda tangan pada kad keluar kampus pelajar.

6.2 KELUAR KE BANDAR PADA WAKTU-WAKTU LAIN

- 6.3** Pelajar-pelajar mesti mendapatkan kelulusan bertulis daripada Pengetua/Timbalan Pengetua.

6.3 TATACARA KELUAR KE BANDAR

- Para pelajar hendaklah mematuhi giliran keluar ke bandar sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbiran asrama.
- Kad kebenaran keluar kampus hendaklah dipenuhi dengan lengkap dan ditandatangani oleh guru asrama sebelum diserahkan di pondok pengawal.
- Para pelajar hendaklah memakai baju korporat maktab seperti yang dikehendaki dalam peraturan mengenai pakaian.
- Para pelajar dikehendaki keluar dalam kumpulan berdua atau lebih dan daripada jantina yang sama.
- Pelajar dilarang mengunjungi tempat-tempat seperti di bawah:
 - a. Pusat-pusat permainan hiburan yang memiliki alat permainan “billiard”, Mesin “pin-ball”, “video games”, Snooker dan seumpamanya.

- b. Semua tempat permainan “bowling”
 - c. Semua kelab malam, bar, disko, pusat karaoke dan seumpamanya.
 - d. Semua tempat pelacuran atau pusat kesihatan yang bertujuan seumpamanya.
- Pelajar-pelajar mestilah menunjukkan kelakuan yang baik semasa berada di luar kawasan maktab untuk menjamin keselamatan diri sendiri dan menjaga nama maktab.
 - Pelajar tidak dibenarkan membawa sebarang jenis beg.

KELAS PERSEDIAAN (PREPARATORY CLASS)

7.1 WAKTU KELAS PERSEDIAAN

Hari	Petang		Malam
Isnin	2.30 pm – 3.30 pm (Selepas waktu prep petang akan diadakan perjumpaan kelab / persatuan / badan beruniform / homeroom)		9.00 pm – 10.20 pm (Bacaan Al – Mulk akan diadakan setiap hari selepas prep malam)
Selasa			
Rabu			
Khamis			
Jumaat	3.15 pm – 4.30 pm		
	Pagi	Petang	Malam
Sabtu / Cuti Umum	7.40 am – 12.30 pm	Rehat	Rehat
Ahad	Gotong-royong	Rehat	9.00 pm – 10.20 pm (Bacaan Al – Mulk akan diadakan setiap hari selepas prep malam)

Catatan: Waktu mula prep malam bergantung kepada waktu isyak.

7.2 PERATURAN

- Pelajar wajib hadir pada waktu kelas Persediaan. Kelas persediaan adalah di kelas atau tempat yang telah ditetapkan.
- Pelajar dilarang mengganggu suasana belajar di kawasan akademik semasa kelas persediaan berjalan.
- Elakkan pembaziran tenaga elektrik ketika anda *prep* di tempat yang disediakan atau di luar waktu *prep* di kelas masing-masing. Gunakan lampu dan kipas mengikut bilangan yang berpatutan. Matikan suis elektrik apabila tidak digunakan.

- Pelajar dilarang membawa dan mengguna sebarang set permainan, radio dan kaset, *Walkman*, telefon bimbit, majalah atau bahan-bahan bukan akademik ke kelas persediaan.
- Para pelajar tidak dibenarkan berada di kawasan asrama pada waktu kelas persediaan.
- Aktiviti-aktiviti seperti jamuan, mesyuarat dan sebarang jenis perjumpaan tidak dibenarkan diadakan pada waktu kelas persediaan kecuali mendapat kebenaran daripada Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar.
- Para pelajar yang sakit hendaklah berada di bilik sakit dengan kebenaran daripada Ketua Guru Asrama/Timbalan Pengetua.
- Semua pelajar hendaklah meninggalkan kawasan akademik tepat jam 10.30 mlm. Pada waktu persediaan malam, pelajar tidak dibenarkan berada di kawasan akademik kecuali dengan kebenaran.

PULANG BERMALAM

8.1 PERATURAN

- Pelajar-pelajar dibenarkan balik mengikut jadual yang telah disediakan kecuali bagi kes-kes kecemasan.
- Bagi pelajar-pelajar yang ingin bermalam di rumah atau bersama keluarga, ibu bapa bolehlah datang menjemput pelajar dengan surat kebenaran selepas aktiviti pelajar berakhir. Waktu dan hari yang ditetapkan adalah jumaat jam 4.30 ptg. Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada kebenaran rasmi pihak pentadbiran.
- Pelajar-pelajar yang pulang ke kampung bersendirian atas permintaan ibu bapa atau penjaga, pihak ibu bapa atau penjaga akan bertanggungjawab ke atas keselamatan pelajar semasa di dalam perjalanan.
- Pelajar mesti membawa kad keluar kampus untuk disahkan dan ditandatangani oleh ketua guru asrama/guru asrama pada setiap kali permohonan diluluskan.
- Urusan kecemasan keluarga pelajar-pelajar mestilah:
 - Mendapat kebenaran khas daripada Pengetua / Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar /Ketua guru asrama.
 - Menyimpan surat/telegram/surat kehadiran keluarga yang menjemput pelajar serta mengisi borang balik bermalam.

- Kad keluar kampus yang telah siap diisi dan ditandatangani oleh Ketua Guru Asrama/guru asrama hendaklah diserahkan kepada Pengawal keselamatan sebelum balik kampung.
- Pelajar-pelajar hendaklah melapor diri semula di bilik guru asrama selewat lewatnya pada pukul 6.30 Petang pada hari terakhir cuti.
- Ibubapa/Penjaga/Wakil hendaklah datang mengambil pelajar di maktab, pelajar tidak dibenarkan balik sendiri kecuali langkahlangkah keselamatan telah disempurnakan dan mendapat keizinan daripada ibubapa/penjaga.

PERATURAN DAN TATATERTIB DI ASRAMA

9.1 PENEMPATAN PELAJAR

- Para pelajar yang telah ditempatkan di tempat yang disediakan pada hari pendaftaran tidak dibenarkan berpindah ke tempat lain tanpa kebenaran ketua guru asrama.
- Semasa penyerahan alatan kepada pelajar pada hari pendaftaran, setiap alatan tersebut hendaklah diperiksa dan ditandakan dalam senarai borang penyerahan alatan oleh pelajar. Sebarang kerosakan pada alatan tersebut setelah pemeriksaan semula akan dibiayai kosnya oleh pelajar.
- Segala kerosakan asrama dan alat kelengkapan lain yang disebabkan oleh pelajar akan dikenakan bayaran gantirugi. Jika tidak diketahui pelajar yang merosakkannya, semua pelajar di dalam asrama berkenaan mesti bertanggungjawab menggantikannya atau membayar gantirugi.

9.2 KEBERSIHAN BILIK

- Bilik mestilah kemas dan sentiasa bersih.
- “Locker tag” mesti dilekatkan pada “Locker” / pintu masuk kiub.
- Barang-barang seperti buku dan alatan lain hendaklah disusun dengan kemas.
- Sampah sarap dibuang di tempat yang disediakan. ○ Gambar dan poster yang dibenarkan oleh pihak maktab sahaja boleh ditampal di dinding dengan menggunakan “blue tack”. ○ Cadar dan sarung bantal maktab hendaklah sentiasa dipasang dengan kemas.

- Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil. ○
Pakaian yang kering hendaklah dilipat dengan kemas dan disimpan dalam almari.
- Pakaian dan tuala yang basah hendaklah disidai di ampaiian yang disediakan di luar asrama.
- Barang-barang seperti beg, kotak kasut tidak dibenarkan diletakkan di atas almari.
- Dilarang meletak buku, kain basahan dan baju di tingkap-tingkap asrama pada sebarang waktu.
- Kasut hendaklah disimpan ditempat tempat yang disediakan.
- Pakaian yang disidai di ampaiian mestilah diangkat setelah kering. Pakaian yang jatuh hendaklah diambil segera. Pakaian yang terbiar atau tidak diambil akan dibuang.
- Pemeriksaan asrama akan dijalankan setiap hari sebelum kelas dimulakan.

9.3 PERATURAN AM PENGINAPAN PELAJAR

- Pada hari persekolahan, semua pelajar hendaklah berada di padang kawad selewat-lewatnya jam 7.00 pagi.
- Pelajar tidak dibenarkan pulang ke asrama pada waktu akademik termasuk waktu rehat.
- Pelajar hendaklah menyusun dan mengemaskan bilik dan tempat tidur sebelum keluar ke kawasan akademik pada setiap masa. ○ Para pelajar hendaklah bekerjasama menjaga kebersihan tempat tinggal, bilik tidur, surau, bilik air dan kawasan persekitaran asrama. Sampah sarap hendaklah dibuang ke dalam bekas sampah yang disediakan.
- Para pelajar dilarang sama sekali membawa balik ke asrama makanan atau peralatan dapur. Hanya makanan kering sahaja dibenarkan dibawa balik ke asrama.
- Para pelajar tidak dibenarkan menyimpan atau memiliki barang-barang berbahaya seperti pisau, cangkul, racun, asid, mancis, pemetik api dan sebagainya di asrama.
- Barang berharga seperti emas, permata dan seumpamanya tidak dibenarkan.
- Pelajar-pelajar diharamkan memiliki atau menyimpan atau mengedar rokok atau merokok. Pelajar juga diharamkan memiliki/menyalahgunakan dadah serta menyimpan/meminum minuman keras. Sebarang bahan lucah diharamkan dibawa ke asrama/maktab.
- Pelajar lelaki tidak dibenarkan ke kawasan asrama perempuan atau sebaliknya.

- Pelajar tidak dibenarkan membuat bising yang keterlaluan di dalam asrama.
- Ketua dorm hendaklah memastikan semua suis elektrik seperti lampu dan kipas dimatikan sebelum meninggalkan asrama.
- Para pelajar yang sakit mestilah berehat di bilik sakit dan tidak dibenarkan berada di asrama sehingga dibenarkan oleh Pengetua / Timb pengetua Pemb Pelajar / ketua guru Asrama / guru asrama.
- Semasa cuti semester / tamat pengajian, semua almari dan bilik asrama hendaklah dibersihkan dan dikosongkan.
- Jimatkanlah penggunaan air di asrama. Paip-paip air hendaklah sentiasa ditutup selepas digunakan.
- Semua pelajar mesti berada di asrama masing-masing pada pukul 11.00 malam sehingga waktu subuh.
- Para pelajar hendaklah sentiasa menghormati pekerja-pekerja di asrama.
- Susunan alat kelengkapan seperti katil, tilam, almari dan alatan lain tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pengetua, Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar, ketua guru asrama dan guru asrama di blok masing-masing.

9.4 PERATURAN KESELAMATAN PENGGUNAAN PERALATAN ELEKTRIK DI ASRAMA

- Sambungan elektrik secara haram sama sekali dilarang. Denda sekurang kurangnya RM50.00 akan dikenakan.
- Pastikan semua suis dimatikan dan tanggalkan palam (plug) dari soket setelah digunakan.
- Jangan menggunakan sebarang peralatan elektrik semasa kilat.
 - Seterika elektrik boleh digunakan di bilik yang dikhaskan sahaja.
- Setiap peralatan elektrik yang hendak digunakan di asrama hendaklah didaftarkan terlebih dahulu. Dapatkan borang pendaftaran elektrik dari Bilik Gerakan guru asrama. Peralatan yang tidak didaftarkan akan dirampas.
- Jangan sekali-kali menggunakan alat elektrik yang telah rosak.
- Sebarang kerosakan berkaitan dengan elektrik hendaklah dilaporkan segera kepada guru asrama. Jangan cuba membaiki sendiri.
- Jangan menyentuh sebarang alat elektrik yang sedang digunakan jika tangan anda basah.

9.5 PERATURAN KESELAMATAN DIRI / HARTA BENDA SEMASA KEBAKARAN

- Apabila anda mendengar isyarat berlaku kebakaran atau terhidu bau asap, perkara pertama yang mesti dilakukan ialah menyelamatkan nyawa anda dan rakan anda.
- Segera memberi amaran kepada rakan asrama. Menjerit sekuat mungkin perkataan api...Api...Api...
- Sila hubungi bomba. (Balik pulau 04-8669444)
- Selamatkan barang-barang berharga kepunyaan anda seperti kad pengenalan, sijil-sijil penting, buku buku dan wang jika anda berupaya membawanya dengan mudah. Jika kebakaran sudah marak, lupakan barang-barang tadi. Anda perlu selamatkan nyawa anda dahulu.
- Jika mengetahui ada rakan anda tidak berupaya untuk bergerak keluar dari asrama disebabkan pengsan, cedera dan sebagainya, bantulah beramai ramai dengan
- membawanya keluar.
- Keluarlah dari asrama secepat mungkin melalui pintu yang berhampiran dengan anda (seperti dalam pelan setiap asrama).
- Bergeraklah dengan pantas tetapi teratur meninggalkan asrama menuju ke padang kawad untuk berkumpul.

9.6 KESELAMATAN WANG DI ASRAMA

- Pelajar tidak dibenarkan menyimpan sendiri (wang tunai) lebih dari RM20.00.
- Wang tunai yang berlebihan mesti disimpan dalam bank atau dengan penasihat homeroom yang berkenaan.
- Semua kad atm mesti disimpan di tempat yang selamat. Pelajar digalakkan menyimpan kad atm dengan penasihat homeroom.
- Jika ingin mengeluarkan wang dengan kad ATM, bolehlah meminta bantuan penasihat homeroom.
- Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk melaporkan kehilangan kad ATM dengan segera kepada penasihat homeroom atau guru asrama.

9.7 KESELAMATAN UMUM

- Setiap penghuni asrama mesti melalui "Fire drill" sekurang-kurangnya sekali setiap tahun.
- Penggunaan lingkaran ubat nyamuk, pelita dan lilin tidak dibenarkan.
- Setiap penghuni asrama seharusnya tahu menggunakan alat pemadam api semasa berlaku kebakaran.

- Jika berlaku kecemasan sila hubungi guru asrama / ketua asrama / pengawal dengan segera.
- Kemudahan “first-aid” boleh didapati daripada guru asrama / bilik rawatan / Bilik gerakan guru asrama / Ketua Guru Asrama / Pondok Pengawal.

9.8 BILIK UTILITI

- Penggunaan alatan elektrik seperti seterika sahaja dibenarkan.
- Kebersihan bilik ini adalah tanggungjawab pelajar bersama.
- Pastikan suis alatan tersebut ditutup (Switched Off) dan ditanggalkan dari “Socket” selepas digunakan.
- Alatan tersebut hendaklah sentiasa berada di bilik utiliti dan menjadi satu kesalahan mana-mana pelajar yang cuba meletakkan / menggunakan alatan ini di bilik penempatan pelajar.

9.9 BILIK KOSONG/ TIADA PENGHUNI

- Setiap bilik yang tiada penghuni ditegah daripada menggunakannya.
- Setiap peralatan di bilik ini jika berlaku kerosakan adalah tanggungjawab semua pelajar.
- Almari, katil serta tilam hendaklah dikeluarkan.
- Para pelajar dilarang menyidai sebarang pakaian kering/basah di dalam bilik kosong.
- Kebersihan bilik hendaklah dijaga bersama oleh pelajar.

9.10 TATATERTIB DI DEWAN SELERA

- Beratur semasa mengambil makanan. Dilarang memotong barisan. ○ Sistem tempahan (booking) tidak dibenarkan.
- Sentiasa menjaga kebersihan dewan selera. Sisa-sisa makanan hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
- Kerusi hendaklah disusun semula selepas digunakan.
- Pakaian di dewan selera mestilah mengikut seperti yang ditetapkan dalam peraturan pakaian.
- Pelajar-pelajar dilarang membawa keluar makanan, barang-barang atau alatan dari dewan selera.
- Tidak dibenarkan masuk ke dapur atau kawasan dalam kaunter agihan makanan.
- Pelajar mesti mematuhi waktu makan seperti dalam jadual harian / mingguan kehidupan asrama.

9.11 BILIK SAKIT

- Pelajar yang sakit hendaklah melapor diri kepada guru asrama/penolong pengurus asrama dan mengambil surat kebenaran untuk ke hospital.
- Pelajar yang sakit tidak dibenarkan berada di asrama pada waktu persekolahan.
- Pelajar yang hendak keluar dari bilik ini wajib memberitahu penolong pengurus asrama jika waktu persekolahan dan kepada Guru Asrama jika selepas waktu persekolahan.
- Kebersihan dan kekemasan bilik ini hendaklah sentiasa dijaga.
- Jangkamasa tinggal di bilik rawatan tertakluk kepada keperluan dan jenis penyakit.
- Pelajar yang mendapat kebenaran bertulis daripada pengetua dan timbalan pengetua untuk berehat di bilik sakit akan dikecualikan daripada menghadiri kelas formal.
- Penyakit berjangkit pelajar berkenaan dibenarkan pulang ke rumah setelah mendapat pengesahan dan rawatan daripada doktor atau mendapat kebenaran Pengetua / Timbalan Pengetua Atau Ketua Guru Asrama.
- Waktu penggunaan bilik sakit pada hari persekolahan lelaki dan perempuan: Jam 8.00 pg hingga 4.30 ptg.
- **(Selepas Jam 4.30 ptg hendaklah mendapat kelulusan Ketua Guru Asrama / Guru Asrama)**
- Pelajar tidak dibenarkan berada di bilik sakit selepas jam 11 malam.
- Jadual kenderaan (van) ke hospital

HARI	PAGI	PETANG
Isnin	8.45 pg	2.45 ptg
Selasa		
Rabu		
Khamis		
Jumaat		

- Pelajar yang dimasukkan ke wad pelajar-pelajar yang berkenaan hanya dibenarkan keluar dari wad hospital setelah mendapat kebenaran daripada pihak hospital dan pihak MRSM dihubungi.

9.12 KELUAR UNTUK SOLAT JUMAAT

- Pelajar hendaklah mematuhi masa pergi dan balik yang telah ditetapkan oleh pihak Maktab.
- Pelajar hendaklah mematuhi peraturan Pakaian solat jumaat.
- Pelajar tidak dibenarkan melencong ke tempat lain kecuali ke masjid untuk solat jumaat.
- Pelajar hendaklah menjaga tertib dan adab semasa di masjid.
- Pelajar hendaklah pulang ke maktab setelah doa selesai dibacakan.

9.13 PERATURAN TAMBAHAN (UNTUK PELAJAR PELAJAR BUKAN ISLAM)

- Segala jenis aktiviti keagamaan tidak dibenarkan di kawasan maktab.
- Sebarang bentuk lambang keagamaan tidak dibenarkan dipamerkan di kawasan maktab.
- Segala bentuk tingkah laku dan percakapan yang boleh menyinggung sensitiviti agama, bangsa dan kaum adalah dilarang sama sekali di Maktab.
- Segala jenis makanan yang tidak halal tidak dibenarkan di bawa ke maktab.
- Sebarang amalan keagamaan pada hujung minggu yang boleh menghalang pelajar daripada menyertai aktiviti maktab adalah tidak dibenarkan.
- Pelajar bukan islam boleh menghadiri upacara keagamaan di luar Maktab, tetapi pihak maktab tidak bertanggungjawab menyediakan kemudahan seperti pengangkutan dan sebagainya.

KEBERSIHAN & KECERIAAN

10.1 BILIK PELAJAR

- Ada identiti pelajar pada setiap bilik/cube. ○ Sifar sampah, habuk & sarang labah-labah.
- Tingkap bilik berkilat & tiada sebarang alatan/barangan diletakkan ditingkap
- Buku-buku /Peralatan disusun kemas. ○ Dinding ceria & tidak dibenarkan menampal poster atau gambar yang tidak berkenaan.
- Tiada tuala mandi pelajar bergantung dalam bilik/cube pada masa sesi persekolahan berlangsung.

10.2 KIPAS DAN LAMPU

- Terdapat petunjuk pengecaman suis kipas & lampu
- Kipas & lampu berfungsi dengan baik
- Kipas bersih (tiada habuk & sarang labah-labah)
- Lampu Bersih (tiada habuk & sarang labah-labah)

10.3 KATIL DAN TILAM

- Katil berkeadaan selamat digunakan.
- Katil tersusun rapi.
- Keseragaman katil.
- Tilam berkeadaan baik dan tersusun.
- Tilam bercadar maktab.

10.4 CADAR, BANTAL & SELIMUT

- Ada cadar maktab pada tilam.
- Ada bantal dan sarung bantal maktab.
- Keseragaman warna cadar.
- Keseragaman warna sarung bantal.
- Cadar & bantal bersih dan kemas disusun.
- Selimut dilipat dengan elok di hujung katil.

10.5 ALMARI

- Ada ditampal kad identiti pelajar pada setiap almari pelajar.
- Almari berkeadaan baik.
- Almari boleh berkunci.
- Keseragaman susunan almari.

10.6 PAKAIAN DI DALAM ALMARI

- Pakaian yang berlipat, disusun dengan kemas.
- Pakaian yang digantung, tersusun rapi.
- Tiada pakaian kotor/berbau busuk dalam almari.
- Peralatan lain-lain tersusun rapi.

10.7 BILIK AIR, TANDAS, TEMPAT MEMBASUH DAN SINKI ○

- Tiada sampah di lantai/mangkuk tandas/sink.
- Lantai bilik air bersih & tidak berlumut.
- Tiada saluran air tersumbat yang menyebabkan lantai bilik air bertakung.
- Sinki air tiada sampah, bersih dan tidak tersumbat.

- Pintu tandas berada dalam keadaan baik.
- Mangkuk tandas bersih.
- Dinding bilik air bersih & tidak berlumut.
- Tempat membasuh pakaian bersih.
- Peralatan mandi & membasuh pakaian diletakkan di suatu tempat khas & disusun kemas.

10.8 BILIK UTILITI

- Alat elektrik disusun kemas dan suis alatan dicabut plug selepas digunakan.
- Bilik berkeadaan bersih & ceria.
- Tiada peralatan 'personal' di bilik utiliti.
- Dinding bersih & tiada sarang labah-labah.

10.9 TONG SANITARI

- Ada tong sanitari.
- Tong sanitari adalah mencukupi.
- Tong sanitari tersusun kemas & berlabel jelas.
- Pad pelajar tidak bersepah di luar tong sanitari.

10.10 RAK KASUT DAN KASUT

- Ada rak kasut untuk pelajar.
- Rak kasut mencukupi untuk pelajar.
- Rak kasut disusun kemas.
- Kasut-kasut disusun kemas pada rak kasut.

10.11 JADUAL BERTUGAS PELAJAR

- Ada carta organisasi asrama ditampal (nama ketua asrama, timbalan, bendahari, s/u & lain-lain).
- Jadual bertugas membersih tandas oleh pelajar hendaklah ditampal di dinding luar bilik air.
- Jadual bertugas membersih bilik utiliti oleh pelajar hendaklah ditampal di dinding bilik utiliti.
- Ada jadual bertugas kebersihan asrama (kipas, lampu, tingkap & lain-lain).

10.12 PERSEKITARAN BANGUNAN ASRAMA ○

- Tiada sampah.
- Ceria.
- Tong sampah berkeadaan baik.
- Longkang asrama bersih.

10.13 LANGSIR

- Bersih.
- Ceria.
- Seragam.
- Digantung dengan kemas.

10.14 AMPAIAN

- Ampaian berkeadaan elok.
- Tiada pakaian terbiar terjatuh dikawasan ampaian.
- Ada peraturan ampaian ditampal.
- Ampaian hendaklah dikosongkan sebelum jam 7.00 ptg.
- Persekitaran ampaian bersih.

PROSEDUR AMALAN KEBERSIHAN ASRAMA PADA SETIAP PAGI

11.1 HARI ISNIN - SABTU

Berikut merupakan beberapa perkara yang perlu dilakukan oleh pelajar yang bertugas harian iaitu:

- Mengosongkan tong sampah;
 - Membersihkan tandas;
 - Mengemas bilik utiliti;
 - Membersihkan kawasan sekitar asrama; dan
 - Menyidai semula pakaian yang jatuh dari ampaian.
- Berikut merupakan beberapa perkara yang perlu dilakukan oleh semua pelajar.
- Mengemas katil, tilam dan loker;
 - Membawa keluar baldi yang diisi dengan pakaian kotor ke kawasan yang dikhaskan;
 - Memastikan tiada pakaian/peralatan yang digantung;
 - Menyusun kasut di rak kasut yang disediakan;

- Menyapu lantai serta memastikan tiada sebarang peralatan di atas lantai; dan
 - Lain-lain tugas yang dirasakan sesuai dari masa ke semasa.
- Borang pengesahan pelaksanaan tugas pembersihan perlu ditandatangani oleh pelajar yang bertugas dan disahkan oleh pihak BKP.
 - Pemeriksaan kekemasan dan kebersihan asrama dilakukan oleh pihak BKP pada pukul 7.10 pagi. Mana-mana pelajar yang gagal mematuhi piawaian kebersihan yang ditetapkan perlu dipanggil oleh pihak BKP untuk mengemas semula.
 - BKP perlu menyediakan laporan khas kebersihan untuk diserahkan kepada ketua guru asrama/timbangan ketua guru asrama.

11.2 HARI AHAD

- Gotong-royong dijalankan meliputi perkara-perkara berikut:
 - Membersihkan kipas & lampu;
 - Membersihkan tingkap;
 - Mengemop lantai;
 - Membuang sawang dan sarang labah-labah;
 - Membersihkan longkang;
 - Membersihkan kawasan sekitar asrama;
 - Membersihkan tandas;
 - Mengemas bilik utiliti;
 - Mengosongkan tong sampah;
 - Mengemas katil, tilam dan loker;
 - Mengemas dan membersihkan kawasan ampaian baju;
 - Mengemaskan rak kasut; dan
 - Lain-lain tugas yang dirasakan sesuai dari masa ke semasa.
- Taklimat gotong-royong akan diberikan oleh pihak guru asrama bertugas pada pukul 7.30 pagi.
- Pemeriksaan kekemasan dan kebersihan asrama dilakukan oleh pihak Guru Asrama pada pukul 9.30 pagi.
- Semua pelajar dikehendaki berdiri di tepi katil masing-masing semasa pemeriksaan kebersihan oleh pihak Guru Asrama. Manamana pelajar yang gagal mematuhi piawaian kebersihan yang ditetapkan perlu diarahkan untuk mengemas semula.
- BKP perlu menyediakan laporan khas gotong-royong untuk diserahkan kepada guru asrama yang bertugas.

PENGAKUAN PELAJAR

Saya No Maktab
..... dengan ini mengakui telah membaca dan memahami peraturan pelajar MRSM Balik Pulau yang dikeluarkan ini. Saya berjanji akan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan selagi saya belajar di MRSM Balik Pulau. Tindakan disiplin boleh di ambil ke atas diri saya selaras peraturan yang telah ditetapkan oleh MRSM Balik Pulau sekiranya saya melanggar sebarang peraturan yang telah ditetapkan.

Tandatangan Pelajar

Tandatangan Homeroom

.....

.....

()

()

